



## JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN IRSYAD AL-HUKMI

### PERKARA: PANDANGAN BERKAITAN ISU PEMBELIAN KENDERAAN (VAN) YANG BERSTATUS WAKAF MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN BAITUL MUSTHOFA

Jabatan ini telah meneliti persoalan yang dikemukakan oleh pihak Maahad Tahfiz Al-Quran Baitul Musthofa dan bersetuju memberi pandangan seperti berikut;

1. Pihak Maahad Tahfiz Al-Quran Baitul Musthofa harus menjual van wakaf mengikut nilai semasa dengan syarat van tersebut tidak dapat digunakan secara maksimum untuk kemaslahatan dan kebajikan pelajar Maahad Tahfiz. Pihak pengurusan hendaklah membeli van/kenderaan yang baharu supaya ganjaran pahala untuk pewakaf berpanjangan. Jika terdapat lebih daripada pembelian van/kenderaan yang baharu maka pihak pengurusan harus menggunakan untuk membiayai kos selenggara (*maintainance*) kenderaan tersebut sahaja (bukan untuk tujuan yang lain).
2. Sementara itu, van/kenderaan yang baharu dibeli itu tidak boleh dijadikan sewaan atau sebagainya bagi tujuan untuk menjana pendapatan Maahad Tahfiz ini kerana untuk memastikan kenderaan tersebut dalam keadaan baik dan sempurna (supaya dapat meminimumkan kos selenggara atau susut nilai).


Jabatan ini menasihati supaya pihak Pengurusan Maahad Tahfiz Al-Quran Baitul Musthofa dapat memastikan van/kenderaan yang disumbangkan oleh pewakaf untuk kegunaan kebajikan pelajar Maahad Tahfiz supaya pahala kepada pewakaf dapat disempurnakan. Ini merujuk kepada Sabda Nabi SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ:  
صَدَقَةٌ جَارِيَةٌ، أَوْ عِلْمٌ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٌ صَالِحٌ يَدْعُو لَهُ رَوَاهُ مُسْلِمٌ. (رَوَاهُ مُسْلِمٌ)

Maksudnya: "Apabila anak Adam meninggal dunia, maka terputuslah amalnya, kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariyah, ilmu yang bermanfaat atau doa anak yang saleh untuknya".

Wallahu'alam.

Disahkan Oleh,

  
**DATO' PADUKA SYEIKH FADZIL BIN HAJI AWANG,  
DPSS., DSDK., AMK, BCK.**  
**MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN**  
Tarikh: 26 Jun 2023 / 7 Zulhijjah 1444